

KURIKULUM KURSUS TEKNIK PENSAMPELAN – KAJIAN KES BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 – 54

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk mendalami pengetahuan, kefahaman dan kemahiran peserta dalam menganalisis keperluan pengguna kepada sesuatu penyiasatan dan mengkaji rangka pensampelan bagi mendapatkan rekabentuk pensampelan yang terbaik dalam keadaan yang sebenar. Peserta juga didedahkan kepada kaedah penulisan nota teknikal dan menganalisis kes-kes tidak respons serta kesannya kepada rekabentuk pensampelan yang telah dibuat.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Mendedahkan peserta dengan rekabentuk pensampelan sebenar melalui kuliah dan perbincangan berasaskan jenis Penyiasatan.
- ii. Mendedahkan peserta kepada kaedah pengiraan saiz sampel, pengiraan wajaran, RSE dan tatacara penganggaran pembolehubah dari kajian sebenar.
- iii. Memberi pengetahuan dan kefahaman tentang kaedah penulisan nota teknikal bagi keperluan penerbitan.
- iv. Mendedahkan peserta kepada kaedah statistik dalam menyelesaikan masalah '*non response*'

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 4 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41 – 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)

- i. Kuliah
- ii. Latih amal
- iii. Ujian
- iv. Kajian Kes